

~~29 muka.~~

~~54~~

~~UCAPAN ADHO~~

~~230 - 152/78~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
MERESMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN
TAHUNAN YANG KE 53 PERSATUAN
BEKAS PERAJURIT MALAYSIA, DI-
BALAI SEMINAR, DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, KUALA LUMPUR, PADA HARI
SABTU 22HB. JULAI, 1978 - 2.30PTG.

Tele { phone: K.L. 204506
gram: PERDANA



Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.

PERDANA MENTERI
MALAYSIA
PRIME MINISTER
MALAYSIA

Mesyuarat Agung Tahunan
Persatuan Bekas Perajurit
Malaysia

Tahun 1975 - Allahyarham Tun Abdul Razak.
15hb Jun

Tahun 1976 - YAB Dato Hussein Onn,
27hb Jun Perdana Menteri.

Tahun 1977 - YB Dato Musa Hitam.
17hb Julai

1. Yang Berhormat Senator Jeneral Tan Sri
Datuk Haji Abdul Hamid Bidin,
Yang Di Pertua Persatuan Bekas
Perajurit Malaysia.
2. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi,
Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.
Dati Abdul Jalil
3. Yang Berhormat ~~Encik Mokhtar Hashim,~~
~~Timbalan Menteri Pertahanan.~~
Seliasaha Parlimen, Kementerian Pertahanan.
Chazali Mohd. Sath
4. Yang Berbahagia, Jeneral Tan Sri Mohd. Sani,
Ketua Turus ~~Angkatan~~ Tentera. *Darat*
5. Yang Berbahagia, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail.
Sidang Puvahilan. yg. Berbahagia, Tan Sri Haji Mubir
Sheppard.
6. Tuan-tuan ~~dan puan-puan~~ sekalian.

Saya mengucapkan syukur kehadiran

Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan

limpah rahmat dan izinNYA, dapat saya

hadir di majlis yang mulia ini, dan seterusnya
meresmikan Persidangan Perwakilan Tahunan
Yang ke 53, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia,
pada petang ini. Saya mengucapkan berbanyak
terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan,
kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi
Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, khusus
kepada Senator Jeneral Tan Sri Datuk Haji
Abdul Hamid Bidin, kerana memberikan peng-
hormatan ini kepada saya.

2. Saya merasa amat ^{sukacita} ~~gembira~~, kerana dapat
menemui para perwakilan Persatuan Bekas

Perajurit Malaysia dari seluruh tanah air,
di majlis ini, serta mengetahui sebanyak
sedikit masaalah dan kesulitan yang dihadapi
oleh Persatuan ini. Saya percaya, Persidangan
Perwakilan ini, akan membincangkan dengan
mendalam, segala masaalah dan kesulitan ini.
Saya harap, segala ketetapan yang dicapai,
hendaklah merupakan keputusan yang praktik,
supaya tindakan yang wajar dapat dilaksanakan,
bagi memperbaiki lagi kedudukan bekas pera-
jurit.

3. Sepertimana kita sedia maklum, bahawa masaalah utama yang selalu dihadapi oleh bekas perajurit, untuk menyesuaikan diri bagi meneruskan penghidupan mereka sebagai orang awam, ialah mendapatkan sesuatu pekerjaan yang tetap, bagi menampung sara hidup bagi ~~dirinya~~ dan keluarganya. Sungguh pun beberapa langkah telahpun dijalankan oleh Kerajaan, melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, ^{Kementerian Pertahanan,} dan Pejabat-Pejabat Cawangannya, tetapi masalah ini, saban tahun, menjadi semakin rumit. Lebih-lebih lagi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerana terdapat

seramai lebihkurang 2ribu anggota tentera berhenti atau bersara, pada tiap-tiap tahun, setelah menamatkan perkhidmatan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan telah menjalankan berbagai jenis latihan peralihan, yang memakan masa dari 6 bulan hingga 18 bulan mengikut keperluan. Sekim latihan peralihan ini, termasuklah latihan vokesyenal dan teknikal, kursus-kursus perniagaan, pertanian dan ternakan, serta

latihan penyesuaian sambil bekerja. Saya difahamkan bahawa, sebilangan besar daripada perajurit yang berhenti atau bersara, telah menggunakan kemudahan sekim latihan peralihan ini, dan ramai pula bilangan mereka yang telah mendapat faedahnya, sama ada mempunyai pekerjaan-pekerjaan di Jabatan-Jabatan Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta, atau pun menjalankan perusahaan dan perniagaan sendiri.

5. Saya dimaklumkan juga, bahawa ramai bekas-bekas perajurit yang meminati bidang

perniagaan dan perusahaan, dan sebilangan mereka telahpun berjaya sebagai kontrekter, atau peniaga dan pengusaha kecil dalam berbagai bidang. Peluang-peluang memang luas terbuka, dan kemudahan-kemudahan juga disediakan oleh Kerajaan, melalui agensi-agensinya. PERNAS, UDA, MARA, MAJU IKAN, LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG, serta bank-bank swasta, bersedia membantu kaum bumiputera, termasuklah bekas-bekas perajurit, untuk bergiat dalam lapangan ini. Bantuan, sama ada dalam bentuk kemudahan pinjaman kewangan,

ataupun khidmat nasihat, adalah diberikan kepada mereka yang mempunyai rancangan dan projek tertentu, yang boleh menguntungkan.

6. Apa yang diperlukan, ialah projek atau rancangan yang viable, serta kemampuan dan keupayaan untuk mengendalikannya. Kejujuran dan keamanahan, merupakan faktor utama bagi mencapai kejayaan, bukan sahaja dalam bidang ini, bahkan dalam sebarang pekerjaan yang ditugaskan kepada kita. Saya penuh yakin, latihan dan disiplin hidup yang dipelajari dan dipraktikkan semasa dalam tentera, ^{telah} memberi

asas yang kukuh kepada setiap bekas perajurit, melaksanakan tugas dan kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepadanya itu, dengan cara yang lebih sempurna dan penuh dedikasi.

7. Saya harap, tiap-tiap bekas perajurit, dapat menunjukkan bukti, serta memberi contoh tauladan yang baik, bagi meyakinkan dan menggalakkan lebih ramai lagi majikan-majikan mengambil bekerja, bekas-bekas perajurit, dalam syarikat-syarikat mereka. Saya diberitahu, bahawa *Bekas Perajurit* setakat ini, Bahagian Hal Ehwal/~~Awam~~ dan

lima Pejabat Cawangannya di negeri-negeri, telah mendaftarkan lebih daripada 10 ribu orang bekas perajurit yang mencari pekerjaan. Seramai 4,500 orang daripadanya, telah pun berjaya mendapat pekerjaan. Daripada perangkaan yang diperolehi, sebilangan besar daripadanya, diambil berkhidmat dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun. Pihak swasta hanya mengambil sebahagian kecil sahaja.

8. Saya menggesa pihak swasta memberikan kerjasama mereka yang lebih banyak lagi, membantu Kerajaan mengatasi masalah ini.

Syarikat-syarikat dan kilang-kilang swasta yang menggunakan tenaga pekerjaan yang ramai, hendaklah memberi keutamaan kepada bekas anggota perajurit. Majikan-majikan yang telah mengambil bekas anggota perajurit, *hendaklah* ~~mestilah~~ memberi peluang kepada ramai lagi bilangan bekas anggota perajurit, berkhidmat di tempat mereka. Majikan-majikan yang ingin membantu Kerajaan dalam masalah ini, bolehlah berhubung terus dengan Bahagian Hal-ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan, atau Pejabat-pejabat Cawangannya di Johor Bahru, Kuantan, Butterworth, Ipoh

dan Kuching, untuk memaklumkan berkenaan dengan jawatan-jawatan kosong yang wujud, atau mengenai tenaga pekerja yang di perlukan oleh mereka.

9. Bagi menampung keperluan yang semakin meningkat, disebabkan bertambahnya bilangan anggota-anggota tentera yang berhenti dan bersara pada tiap-tiap tahun, Kerajaan bercadang menubuhkan pejabat-pejabat cawangan Bahagian Hal-Ehwal Bekas Perajurit ini, di tiap-tiap buah negeri. Dengan jalan ini, khidmat yang lebih berkesan dapat diwujudkan,

bagi faedah bekas-bekas perajurit sendiri, dan juga pihak-pihak perkhidmatan awam dan swasta, yang dikehendaki bersama-sama membantu menyelesaikan masalah pekerjaan bagi bekas-bekas anggota perajurit. Saya harap, bekas-bekas perajurit akan menggunakan sepenuhnya, khidmat Bahagian Hal-ehwal Bekas Perajurit dan Pejabat-pejabat Cawangannya.

Tuan² dan Tuan² sekalian.

10. Kerajaan sentiasa mengambil berat di atas kebajikan anggota-anggota pasukan keselamatan. Memandangkan ramainya bilangan anggota tentera yang berhenti dan bersara pada tiap-tiap tahun,

Kerajaan sedang berusaha menubuhkan sebuah
"Holding Unit", dan sebuah Pusat Latihan
Pertukangan, untuk tujuan latihan peralihan
 bagi anggota-anggota tentera yang hampir
 menamatkan tempuh perkhidmatan mereka.

11. "Holding Unit" itu, akan menampung
 tempat tinggal, pentadbiran dan kebajikan
 anggota-anggota tentera yang menjalani latihan
 peralihan, dan Pusat Latihan Pertukangan akan
menganjur dan mengendalikan kursus-kursus
teknikal bagi mereka itu. Kedua-dua projek
 ini, yang dianggarkan menelan belanja sebanyak

di Sungai
 Buloh,
 (Kampong)

\$8.5 juta, akan dibina di Sungai Buloh,

Selangor. Urusan kontrek pembinaan telah

pun selesai, dan kerja-kerja pembinaan akan

dijalankan tidak berapa lama lagi. Kedua-dua

projek ini, dijadualkan siap dalam tahun 1980.

Apabila siap kelak, Pusat Latihan ini akan

mengendalikan 9 jenis kursus teknikal.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

12. Kita mestilah bersyukur, kerana Allah

Subhanahu Wataala telah mengurniakan negara

kita dengan iklim yang baik dan tanah yang subur,

menjadikan segala tanaman pertanian kita mengeluarkan hasil yang lumayan. Perajurit yang berbakti kepada bangsa dan negara, diberi penganugerahan di atas jasa cemerlangnya.

Demikianlah jua, jika kita berbudi kepada tanah, sudah tentu kita akan dapat merasai nikmatnya. Inilah salah satu usaha yang dijalankan oleh Kerajaan, bagi memastikan masa depan yang lebih terjamin lagi, kepada bekas anggota perajurit.

13. Berdasar dan memandangkan hakikat inilah, maka dalam sekim latihan peralihan, Kerajaan juga mengendalikan kursus-kursus pertanian dan ternakan kepada anggota perajurit yang mempunyai tanah, yang hendak berhenti atau bersara, dengan harapan mereka boleh menjadi petani maju dan moden, supaya dapat menyumbang kearah kemajuan dan kemakmuran negara amnya.

14. Di samping mendapatkan tempat-tempat dalam Rancangan-Rancangan Tanah yang diselenggarakan oleh FELDA ^{atau} ~~adalah~~ lain-lain agensi

Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, melalui FELDA dan FELCRA, telah dapat melaksanakan tiga rancangan kelapa sawit dan sebuah rancangan tanah sawah padi, dimana sebilangan besar peserta-pesertanya, terdiri dari bakal-bakal dan bekas-bekas anggota perajurit.

15. Rancangan FELDA Sungai Koyan Dua, seluas 4 ribu ekar, yang diselenggarakan pada awal tahun 1975, telahpun dapat menempatkan seramai 210 peneroka dari bekas-bekas anggota perajurit. Seramai 191 peserta yang lain, telah dimasukkan dalam Rancangan Sungai Koyan Tiga,

~~Tiga~~ seluas 3,600 ekar, dalam pertengahan kedua tahun 1975. Kedua-dua projek ini, ialah di Raub, Pahang. Rancangan Ketiga, ialah Rancangan FELDA Semanchu di Kota Tinggi, Johor, dimana seramai 168 pesertanya terdiri dari bakal dan bekas anggota perajurit, telah dapat ditempatkan. Peserta-peserta ini, telah memasuki rancangan tersebut dalam bulan September hingga Oktober tahun lalu.

16. Rancangan Sawah Padi, seluas 1,200 ekar, dalam kawasan Teluk Sena, Seberang Perak, akan menempatkan 170 orang bekas anggota

perajurit yang lain. Mereka sekarang ini, sedang menjalani latihan peralihan, dan dijangka memasuki rancangan ini dalam bulan September.

17. Selain daripada rancangan-rancangan tanah yang saya sebutkan itu, bekas-bekas perajurit adalah digalakkan menyertai rancangan-rancangan tanah FELDA biasa yang lain. Peruntukan sebanyak 20 peratus dari jumlah bilangan peserta, adalah diberikan kepada bekas-bekas anggota perajurit, dan had umur adalah dilonggarkan sehingga 40 tahun. Bagi mereka yang telah meningkat umur 40 tahun, semasa

tamat perkhidmatan, diberi kelonggaran sehingga 45 tahun. Bekas-bekas perajurit yang hendak menjadi peneroka Rancangan Tanah FELDA, adalah dikehendaki mengemukakan permohonan, selewat-lewatnya lima tahun selepas tamat perkhidmatan.

18. Sehingga akhir tahun 1977, seramai lebihkurang 6,100 orang bekas anggota perajurit, telah mendapat tempat dalam rancangan tanah FELDA di seluruh tanah air. FELDA dijangka mengambil ^{lagi} seramai 14,000 peserta awam ~~lagi~~

dalam rancangan-rancangan tanahnya, dalam beberapa tahun ini, iaitu mengikut jadualnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan ini, bermaksalah lebih ramai lagi bekas anggota perajurit, dapat menyertai Rancangan-Rancangan Tanah seperti ini. Memang banyak peluang terbuka kepada bekas-bekas ^{anggota} perajurit, dan terpulanglah kepada mereka ^{menggunakan} ~~merebut~~ peluang-peluang ini.

19. Bagi melayakkan diri terhadap peluang-peluang ini, bekas-bekas ^{anggota} perajurit mestilah

berani menukar sikap dan pekerjaan. Daripada

berkhidmat sebagai anggota tentera yang ber-

disiplin, taat setia, ^{dan} cekap, ~~dan agresif,~~

mereka mestilah sanggup menjadi petani yang

progresif, ^{ber}disiplin dan penuh dedikasi.

Insyallah, jika rancangan-rancangan yang

disertai oleh peneroka-peneroka bekas perajurit

itu boleh mencapai kejayaan yang memuaskan,

dan bekas anggota perajurit di situ dapat

membantu Kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat

petani yang bersatu padu dan maju, ^{maka} Kerajaan

tidak akan ragu-ragu lagi melaksanakan lebih

banyak lagi rancangan-rancangan tanah, supaya lebih ramai lagi bekas-bekas anggota perajurit, dan bekas-bekas anggota pasukan keselamatan yang lain juga, dapat menikmati faedah dan kemakmurannya.

19A. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan, meningkatkan lagi bilangan petani-petani yang maju dan moden, dan menggalakkan rakyat meminati bidang pertanian. Dengan pelajaran dari kursus-kursus pertanian dan ternakan, dan pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat, serta menggunakan setiap kemudahan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh Kerajaan, bidang pertanian mempunyai masa depan yang lebih terjamin bagi anak-cucu bekas anggota perajurit. khasnya, dan rakyat amnya.

20. Saya menggesa Persatuan ini, supaya bersama-sama dengan Bahagian Hal-Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan, meyakinkan kepada bakal-bakal anggota perajurit yang hendak menamatkan perkhidmatan mereka, mempelupuri dan meminati bidang pertanian. Inilah sebaik-baik usaha, bagi menampung keperluan sebilangan besar tenaga anggota perajurit, yang akan berhenti dan bersara.

21. Janganlah terlalu sangat memileh pekerjaan. Tunjukkanlah kebolehan dan keupayaan kita dahulu. Terlalu sangat memileh jenis pekerjaan, boleh merumitkan lagi masalah yang sedia ada. Saya harap, anggota-anggota bekas pasukan keselamatan,

khasnya ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit, benar-benar memahami kesulitan yang di hadapi oleh Kerajaan, serta langkah dan tindakan yang telahpun dan sedang dijalankan, bagi mengatasi masalah ini. Saya harap, semua pihak dapat sama-sama berusaha, membantu Kerajaan dalam usaha meringankan bebanan yang di hadapi oleh anggota pasukan keselamatan seluruhnya.

21A. Saya juga diberitahu, bahawa terdapat juga bekas-bekas anggota perajurit, yang telah diambil bekerja dalam syarikat-syarikat ^{swasta,} ~~dan~~

~~pertubuhan-pertubuhan swasta~~, selalu mendesak
untuk mendapatkan sesuatu kemudahan atau
faedah-faedah yang lain dalam perkhidmatan.
Sikap seperti ini amatlah mengecewakan, dan
akan hanya merugikan kita sendiri, kerana
majikan-majikan yang menghadapi masalah
ini, serta lain-lain majikan yang mengetahui
sikap setengah-setengah bekas anggota peraja-
jurit ini, akan berkeberatan memberi peluang
kepada bekas-bekas anggota perajurit berkhidmat
dalam ^{sharikat²} ~~pertubuhan~~ mereka. Sikap ~~dan tabiat~~
yang tidak menguntungkan ini, jika masih lagi

terdapat di kalangan bekas-bekas anggota tentera, hendaklah dihapuskan. Kita mestilah mempunyai sikap bertimbang rasa.

22. Inilah ingatan dan pesanan yang tulus ikhlas dari saya, demi menjaga nama baik

...26/-

perajurit dan bekas perajurit, serta menjamin masa depan ~~yang lebih cemerlang~~ bagi bekas-bekas anggota perajurit.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

23. Dalam ucapannya tadi, Yang DiPertua Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, telah menyentuh beberapa perkara, yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli Persatuan. Mengenai rawatan percuma kelas dua di Hospital Kerajaan, dan gaji tertinggi bagi bekas perajurit yang diambil berkhidmat semula ^{dalam} dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, Warta Kerajaan

Perkhidmatan
yang berkenaan, dan Surat Pekeliling / Bilangan 9
tahun 1977, adalah jelas. Arahan ini mestilah
dipatuhi oleh semua pihak. Demikian^{lah} juga
dengan arahan dan panduan, yang dikeluarkan
melalui surat Pekeliling / Perkhidmatan Bilangan 19 tahun
1975.

24. Jika masih lagi terdapat sebarang
kemusykilan, mengenai perkara ini, saya syorkan
supaya Persatuan mengemukakan kes-kes yang
tertentu, kepada Bahagian Bekas Perajurit,
Kementerian Pertahanan, bagi menyelesaikan
masaalah ^{itu} yang timbul. Mengenai pembayaran

Pencen melalui Pejabat Pos, saya percaya ini

bolehlah ditimbangkan, dan saya akan merundingkannya

Kementerian Kehendusan.

dengan ~~Yang Berhormat Menteri Perhubungan.~~

*note to
get in
touch with
ministry
concerned.*

25. Akhirnya, saya harap semuga Persidangan

Perwakilan ini, dapat menghasilkan ketetapan

dan keputusan yang berguna dan berfaedah.

Saya berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala,


agar segala usaha Persatuan ini, akan lebih

berjaya di masa-masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

26. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
mengisytiharkan Persidangan Perwakilan Tahunan
yang ke 53, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia
ini, dibuka dengan resminya.

Terima kasih.



28

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya

menyampaikan Persembahan Perwalian Tahunan

yang ke 53, Perastuan Bekas Perajurit Malaysia

ini dibuka dengan resminya.

Terima kasih.



No Siri 390

No Penerimaan 122/78